



Penubuhan pusat pengajian di Selatan **Cadangan PM** **dapat sokongan**

7 SEP 1989
Daripada A NAZRI ABDULLAH

BELGRADE, Rabu -- Perdana Menteri India, Encik Rajiv Gandhi, setuju dengan cadangan Datuk Seri Dr Mahathir supaya diwujudkan sebuah pusat pengajian tinggi yang cemerlang di Selatan.

Kedua-dua Perdana Menteri itu sependapat bahawa projek seumpama itu akan mencerminkan kerjasama Selatan-Selatan yang lebih bermakna untuk negara-negara Selatan.

Dalam perbincangannya dengan Rajiv Gandhi di Dewan Orang Kenamaan Pusat Sava di sini, semalam, Perdana Menteri mencadangkan supaya salah sebuah institusi pengajian yang sudah wujud di Selatan dimajukan sebagai pusat pengajian tinggi khusus untuk negara Selatan.

Encik Rajiv mengalu-alukah cadangan itu yang juga selaras dengan pendekatan Pergerakan Berkecuali (NAM) sekarang, iaitu mengurangkan berkapak dan melebihi tindakan.

Cadangan Perdana Menteri Malaysia itu pertama kali disuarakannya di Sidang Puncak NAM kelapan di Harare tiga tahun lalu.

Cadangan itu kena pada masanya kerana buat masa ini kira-kira 400,000 pelajar dari negara Selatan terpaksa melanjutkan pengajian tinggi di negara maju.

Dianggarkan jika seorang pelajar memerlukan AS\$10,000 setahun bermakna negara Selatan terpaksa membelanjakan AS\$4,000 juta setahun dan ini satu kerugian besar di segi tukaran wang asing.

Buat masa ini juga sebilangan besar cerdik pandai dari Selatan sedang berkhidmat di institusi pengajian di Utara dan ini adalah satu kehilangan besar di segi kepakaran bagi negara Selatan.

Dengan wujudnya sebuah pusat pengajian yang unggul dan terkenal di Selatan, cerdik pandai ini dapat dibawa pulang untuk melatih pelajar di Selatan, seperti mana yang dilakukan oleh Korea Selatan sekarang.

Selain membincangkan kerjasama Selatan-Selatan, kedua-dua Perdana Menteri itu juga turut membincangkan kerjasama dua hala Malaysia-India.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Majid Mohamad, Encik Rajiv membangkitkan soalimbangan perdagangan yang menguntungkan Malaysia kerana negara itu adalah pengimport utama minyak sawit Malaysia.

Bagi mengatasi masalah ini, Datuk Seri Dr Mahathir mencadangkan supaya India menggunakan syarikat dan kepakarannya memasarkan minyak sawit Malaysia ke pasaran di luar negara.

Hari kedua Sidang Puncak NAM adalah hari yang paling sibuk bagi Perdana Menteri. Bermula dari jam 9.30 pagi hingga 7 petang Datuk Seri Dr Mahathir menghabiskan jadualnya dengan menemui sembilan pemimpin yang menghadiri sidang kali ini.

Selain daripada Encik Rajiv, Datuk Seri Dr Mahathir juga mengadakan perbincangan dan menerima kunjungan hormat Perdana Menteri Bangladesh Hussein Ershad Mohamad, Perdana Menteri Malta Dr Edward Fanech Adami, Presiden Vietnam

Vo Chi Cong, Presiden Angola Jose Eduardo Santos, Raja Bhutan Jigme Singye Wangchuck, Perdana Menteri Korea Utara Yon Hyong Mak dan Jeneral Omar Hussain Ahmed El Bashir dari Sudan.

Perdana Menteri juga turut dikunjungi oleh Pengerusi Kongres Pan Afrika (PAC) Johnson P Mlambo dan Setiausaha Agung Komanwel Sir Shridath Ramphal untuk membincangkan mengenai persiapan menjelang Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Kuala Lumpur bulan depan.

Dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Bangladesh, Encik Hussein Ershad menyatakan hasratnya mempelajari program pengswastan daripada Malaysia.

Encik Hussein Ershad juga berhasrat menghantar pasukan untuk mengkaji kejayaan Tabung Haji Malaysia mengendalikan tabung untuk kebajikan umat Islam.

Sementara itu, perbincangannya dengan Perdana Menteri Malta tertumpu kepada deraf mengenai alam sekitar yang akan dibuat oleh CHOGM di Langkawi, Oktober ini.

Dr Edward berjanji membantu Malaysia menghasilkan perisytiharan mengenai alam sekitar yang komprehensif yang turut memberi pertimbangan wajar kepentingan pembangunan di negara membangun.

Kedua-dua Perdana Menteri setuju bahawa negara membangun mestilah mengambil daya usaha menggubal perisytiharan alam sekitar sebelum ianya diinstitusikan oleh negara maju untuk kepentingan mereka.